

Tak habis-habis hal ponteng

KOSMO 27/06/07 M/S 13

Oleh MEGAT RAMLI MEGAT RAOF
dan SHAH NIZAM OMAR
berita@kosmo.com.my

SHAH ALAM - Sebelum ini terdapat banyak kes ponteng sekolah dilaporkan dalam media, namun bagi segelintir pelajar di sebuah sekolah menengah di Seksyen 18, di sini, ia langsung tidak menyedarkan mereka.

Sebaliknya mereka terus ponteng kelas seolah-olah menjadi satu amalan pula.

Kegiatan tersebut didakwa oleh penduduk setempat sudah berlarutan sejak berbulan-bulan lamanya dan ia mungkin dianggap sebagai satu kebiasaan di kalangan pelajar lelaki terbabit.

Tinjauan *KOSMO!* selama dua jam di situ semalam mendapati, pelajar terbabit ponteng dengan memanjat tembok konkrit di belakang sekolah untuk memudahkan mereka keluar masuk ke dalam sekolah.

Kira-kira tiga pelajar dalam satu kumpulan akan memanjat tembok dengan ketinggian kurang tiga meter dalam tempoh satu-satu masa dan 'melepak' di belakang sebuah tadika atau kawasan berdekatan sekolah untuk melepaskan galian mereka dengan merokok.

Pelajar terbabit juga didapati menyusup semula ke sekolah melalui tembok yang sama apabila mendengar sesuatu pengumuman atau bunyi loceng yang menandakan sesuatu tempoh masa telah tamat.

Kebanyakan yang melakukan kegiatan berkenaan dipercayai bermula pada pukul 10.30 pagi sehingga 12.30 tengah hari adalah pelajar yang sama dan remaja luar turut dilihat duduk lepak bersama mereka.

Seorang penduduk yang ditemui, Mohd. Sulaiman Ibrahim, 35, mendakwa, pelajar terbabit licik daripada dikesan oleh guru apabila menjalankan kegiatan di kawasan berdekatan sekolah.

"Kebanyakannya ponteng kelas, kalau duduk lepak di tempat yang jauh, maka sukar untuk mereka memasuki sekolah semula apabila terdengar sebarang pengumuman atau bunyi lonceng," katanya.



SEKUMPULAN pelajar memanjat tembok sekolah di Seksyen 18, Shah Alam untuk ponteng sekolah.

Sementara itu, seorang pengawas sekolah berkenaan menyatakan kegiatan itu bukan sahaja berlaku ketika waktu rehat malahan pada waktu-waktu yang lain.

"Mereka kerap juga menyelip keluar secara sembunyi-sembunyi melalui pagar ini semata-mata untuk menghisap rokok dan terdiri daripada beberapa pelajar lelaki yang berada di tingkatan empat dan lima," katanya.

KOSMO! juga difahamkan oleh tenaga pengajar di tadika berkenaan bahawa pihak sekolah juga sering melakukan pemantauan dan pemeriksaan di bahagian yang menjadi 'port' keluar masuk itu.

Bagaimanapun pelajar nakal terbabit

sukar dibendung sehingga kegiatan berkenaan kini masih diteruskan, meskipun ada segelintir yang telah dikenakan tindakan disiplin.

Di satu lokasi yang berasingan, di kawasan perumahan di Seksyen 18 juga mendapati terdapat beberapa orang pelajar mengambil kesempatan dengan menjadikan kawasan taman permainan sebagai tempat 'lepak' mereka.

Jurugambar *KOSMO!* sempat bertanya kepada pelajar tersebut sama ada mereka ponteng atau tidak dan jawapan yang mereka berikan 'ya', sambil berlari apabila lensa kamera dihalakan kepada mereka.

CIMB lancar kelab bertaraf lima bintang